



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 2 JANUARI 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	RM3.3 JUTA DIBELANJAKAN BAGI PROGRAM KEBAJIKN DAN KEMAKMURAN DI PULAI - SALAHUDDIN, MALAYSIA KINI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	PROGRAM PERTANIAN HIDAYAH 'MALAYSIA BERBUAH', HAKAKAH DAILY -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/1/2020	MALAYSIA KINI	ONLINE	

### **RM3.3 juta dibelanjakan bagi program kebajikan dan kemakmuran di Pulau-Salahuddin**



Sejumlah RM3.3 juta peruntukan telah dibelanjakan untuk kawasan Parlimen Pulau, Johor bagi pelbagai program kebajikan dan kemakmuran penduduk kawasan itu sejak Mei 2018 hingga Disember lepas.

Berdasarkan kad laporan Ahli Parlimen Pulau Salahuddin Ayub, peruntukan itu diagihkan kepada lima cabang iaitu Projek Mesra Rakyat; Pembangunan Komuniti; Pembangunan Belia dan Wanita; Pendidikan; dan Kebajikan.

Peruntukan tertinggi sebanyak RM1.7 juta untuk Projek Mesra Rakyat bagi menaik taraf kemudahan dan infrastruktur untuk keselesaan penduduk di situ.

Antara projek yang dijalankan adalah membaik pulih infrastruktur awam di Pejabat Balai Polis Tampoi, kerja-kerja membekal keperluan di Hospital Sultanah Aminah, dan membekal peralatan komputer, pencetak, dan projektor LCD bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Jalan Yahya Awal.

Selain itu, sebanyak RM782,279.35 pula disalurkan untuk program kebajikan bagi menyediakan pelbagai bantuan untuk meringankan beban golongan yang memerlukan seperti pemberian bantuan dan sumbangan bencana, program beli baju raya untuk anak-anak asnaf, majlis ibadah Korban dan program bersama ibu tunggal dan anak yatim.

Bagi program pendidikan pula, sumbangan RM115,900 telah diberikan kepada 15 buah sekolah bagi memastikan rakyat mendapat pendidikan yang berkualiti.

Sementara itu bagi Pembangunan Komuniti dan, Pembangunan Belia dan Wanita, masing-masing diperuntukkan RM424,400 dan RM312,000 untuk meningkatkan kemakmuran komuniti.

"Kualiti perkhidmatan Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Pulau akan ditingkatkan bagi memastikan isu rakyat terus diberi perhatian. Pelbagai usaha akan dilakukan pada tahun 2020 untuk kemakmuran bersama," kata Salahuddin dalam kad laporan itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/1/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

## Program Pertanian Hidayah 'Malaysia Berbuah'



**PASIR SALAK:** Lajnah Asas Tani dan Alam Sekitar (LATAS) PAS Kawasan Pasir Salak telah mengadakan program Pertanian Hidayah 'Malaysiaku Berbuah' dengan kerjasama HPA Industries Sdn Bhd di Markas PAS Kampung Gajah, di sini kelmarin dahulu.

Syarikat yang beroperasi sejak tahun 1986 dengan memperkenalkan produk makanan dan kesihatan itu kini mengembangkan sayapnya dengan produk pupuk organik cecair (POC) atau lebih dikenali baja organik untuk tanaman dan ternakan.



Program ini bertujuan menyebarkan cara dan teknik Pertanian Hidayah yang membawa para petani ke arah hasil ekonomi berimpak tinggi dan memajukan produk keluaran Islam, serta mendekati diri kepada Yang Maha Esa.

Wakil HPA, Mohd Sani Ibrahim menjelaskan, baja tersebut sesuai semua jenis tanaman dan ternakan serta berfungsi sebagai perawatan hasil dengan peremajaan, penambahbaikan genetik, membanyak dan memanjangkan hasil.

"HPA juga menghasilkan anti virus dan anti hama untuk membantu tanaman dari serangan ulat perosak serta baja uria yang terhasil daripada herba," terangnya.

Katanya, projek seumpama telah berjaya di Indonesia di mana walau pada awalnya tidak mendapat sokongan pihak kerajaan, tetapi telah membantu petani dalam menangani masalah

tanaman koko, bunga cengkih, anggur, kentang selain ternakan.

Maklumnya, tanaman juga dipulihkan dalam kes tanaman padi yang diserang ulat akibat saluran air tidak mengikut jadual di mana harapnya penyelesaian tersebut dapat diperluaskan kepada ramai petani terkesan kes seumpama.

Manakala isterinya, Shafariah Ibrahim memperkenalkan perubatan kesihatan organik '*Wave and Human Growth Hormone*' dalam menyelesaikan masalah berkaitan saraf seperti keradangan jantung, sakit kepala dan lain-lain.

Pimpinan PAS Pasir Salak yang hadir sama adalah Pengerusi LATAS, Asri Ismail dan Ketua Pemuda, Ustaz Zafarul Azhan Zan dan Ketua Muslimat, Jamaliah Sudin.